

Penerimaan acara

PENERIMAAN olahraga silat sebagai satu acara dalam Sukan SEA di Jakarta tahun depan adalah satu cabaran dalam kejayaan.

Kejayaan, kerana sejak beberapa lama, baru sekarang olahraga silat diterima sebagai satu acara pertandingan.

Cabaran, kerana pertama ia tidak akan merupakan acara pertama dan terakhir dalam sejarah Sukan SEA. Kedua, ia mungkin membuka jalan bagi pesilat asing meninggikan taraf silat mereka "sehingga kita terpaksa import jurulatih dari Eropah".

Kekhuatiran tentang hal ini telah disuarakan oleh Mejar-Jeneral Eddie, yang menambah: "Semua mata akan tertuju kepada silat dalam Sukan SEA nanti. Persilat pula harus memperlihatkan sesuatu hal yang memang bermutu dalam pertandingan silat. Ini yang Persilat harus amati.

"Jadi, pada kali pertama dipertandingkan ia akan dapat berdiri setaraf dengan seni pertahanan diri yang lain yang sudah dipertandingkan dalam sukan itu."

Mejar-Jeneral Eddie khuatir, acara olahraga silat tidak dapat diteruskan dalam pertandingan sukan akan datang "kalau pertandingan Sukan SEA tahun depan kita tidak bisa menampilkan satu permainan yang baik".

Beliau menambah: "Ini cabaran bagi kita untuk memperlihatkan sesuatu yang baik kerana bukan hanya negara-negara pendukung (Indonesia, Singapura, Malaysia dan Brunei) malah negara-negara peserta sukan itu nanti akan melihat hasil yang kita capai.

"Jadi, Persilat perlu siapkan diri sebaik-baiknya. Kita harus saling bahu-membahu dan memberi bantuan agar keseluruhan silat dapat tanggapan yang positif dari berbagai-bagai pihak.

"Paling tidak, Indonesia, Singapura dan Malaysia, harus menyertakan juga Brunei agar sejajar dengan tiga negara itu. Ini me-

satu kejayaan dalam cabaran

minta keikhlasan kita masing-masing untuk mempersiapkan diri."

Tentang masa depan olahraga silat, Mejar-Jeneral Eddie berkata beliau bimbang kemungkinan negara-negara lain, berbanding dengan negara sumber di rantau ini, tidak memajukan metodologi latihan silat sejajar dengan perkembangan masa sehingga negara-negara lain menjadi lebih maju.

Berita Minggu

"Pendekar dan guru silat kita harus rasional. Saya kerap berkata di Indonesia bahawa saya khuatir kalau kita tidak waspada... kalau sistem pengajaran kita kepada murid-murid kita hanya bersifat tradisional dan monolog (hanya daripada guru kepada murid)... saya khuatir satu hari kita akan datangkan jurulatih dari luar negeri," katanya.

Kebimbangan itu berpunca daripada cara latihan silat tradisional yang tidak menggalakkan murid bertanya, katanya.

"Dalam olahraga harus ada diskusi, harus mengikuti cara-cara

yang moden. Kita harus jangan ketinggalan dalam metodologi... (sehingga) jadi tidak menarik," tambahnya.

Mengambil contoh di Vienna, Mejar-Jeneral Eddie berkata ke-trampilan beberapa peserta Eropah amat ternyata — setaraf jika tidak lebih baik daripada peserta rantau ini.

"Makanya kita khuatir. Mengambil tidak mutlak juara karate orang Jepun. Tapi kan kita jangan awal-awal sudah kalah dengan pelatih dari negeri (Eropah) dong!

"Itu yang kita khuatirkan. Ini cabaran kita. Sekarang kita jual barang kita kepada orang. Orang itu menyempurnakan lagi barang itu lebih baik daripada kita. Nanti kita sendiri beli barang itu. Kan kacau itu," katanya membuat perbandingan.

Satu lagi kesan buruk daripada metodologi silat yang tidak menurut perubahan zaman, menurutnya, ialah kehilangan minat di kalangan anak-anak muda untuk bersilat, katanya.

Singapura mungkin tidak ambil bahagian sebelum Persisi sertai SNOC

12 OCT 1986

WALAU PUN olahraga silat telah ditetapkan sebagai satu acara pertandingan dalam Sukan SEA tahun depan, anggota-anggota silat Singapura mungkin tidak dapat mengambil bahagian.

Mereka hanya dibolehkan mengambil bahagian dalam pertandingan itu nanti setelah Persisi menjadi anggota Majlis Olimpik Nasional Singapura (SNOC).

SNOC, dalam mesyuarat majlis Sukan SEA di Jakarta 25 Ogos lalu, menyokong agar olahraga silat dijadikan salah satu acara dalam pertandingan itu.

Usul tersebut telah dibuat oleh Majlis Olimpik Nasional Indonesia.

Menerangkan kemungkinan Singapura tidak dapat mengambil bahagian dalam Sukan SEA akan datang, Setiausaha Agung SNOC, Encik S. S. Dhillon, berkata Persisi masih belum menjadi anggota.

"Acara olahraga silat akan tetap berjalan (dalam Sukan SEA tahun depan) tetapi tidak akan ada peserta dari Singapura. Acara itu akan disertai oleh negara-negara lain," katanya.

Beliau kemudian menggesa Persisi membuat permohonan rasmi untuk menganggotai SNOC agar permohonannya dapat diproses secepat mungkin.

Berita Minggu

Menurut Peraturan 33 Federasi Sukan SEA, setiap persatuan sukan nasional yang berhasrat mencalonkan sukannya dalam aturcara Sukan SEA mesti menjadi anggota bersekutu Majlis Olimpik Nasional negaranya sendiri dan juga Federasi Antarabangsa sukan itu.

Sebagai contoh, Persatuan Sepaktakraw Amatir Singapura adalah anggota SNOC dan juga Federasi Sepak Takraw Asia.

Encik Johari pula berkata Persisi akan membuat permohonan rasmi seberapa segera mungkin.